

19 JUL 1999

KLIA-Kurokawa

DR MAHATHIR PILIH WARNA HIJAU BUMBUNG TERMINAL KLIA

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Mungkin ramai yang tidak perasan tetapi bagi mereka yang perasan mungkin hairan mengapa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mempunyai bumbung yang berwarna hijau.

Ada yang menyatakan ia adalah semula bagi sebuah lapangan terbang yang terletak dalam kawasan seluas 100 km persegi untuk mempunyai atap yang berwarna hijau menandakan KLIA dianggap sebuah lapangan terbang dalam hutan dan hutan dalam lapangan terbang.

Bagaimanapun hari ini arkitek dan pereka bentuk KLIA, Dr Kisho Kurokawa memberikan jawapan kepada persoalan tersebut.

Ditanya sama ada beliau ada menerima input atau permintaan khas daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa beliau dalam proses mereka bentuk lapangan terbang itu beliau berkata, " Ya, warna bumbung, warna asal saya adalah warna perak logam (metallic silver) tetapi selepas berbincang dengan Dr Mahathir beliau memberikan cadangan, hijau."

Dr Kurokawa berkata kepada Bernama beliau bersetuju menggunakan warna hijau memandangkan Dr Mahathir mengingatkan warna perak mudah menjadi kotor setelah beberapa tahun.

"Beliau (Dr Mahathir) melawat Lapangan terbang Kansai (di Jepun) yang mempunyai bumbung berwarna kelabu perak .. beliau faham warna itu mudah kotor selepas lima atau enam tahun. Jadi kami berbincang warna yang sesuai agar cantik untuk tempoh yang panjang," katanya.

Ditanya jika pilihan hijau berkait dengan warna dalam agama Islam, beliau berkata tidak tahu perkara itu.

"Saya tidak tahu tetapi jika benar ia adalah pilihan warna yang baik kerana lapangan terbang itu harus mempunyai indentiti keislaman," katanya.

Beliau berkata semasa mereka bentuk bangunan terminal KLIA beliau telah berbincang dengan banyak pihak dan gembira dengan hasil yang diperolehi.

Terdahulu semasa membentangkan kertas kerjanya berkaitan "Falsafah Symbiosis dan Reka bentuk KLIA" pada "Airports Council International (ACI)-Pacific 1999 Regional Assembly and Conference" di sini beliau berkata berpuashati dengan kawalan reka bentuk yang diperolehi.

"Tempat kerja menyerupai medan perang. Kerja berterusan sepanjang hari dengan tiga syif dan 25,000 pekerja setiap hari," katanya.

Beliau berkata, pengguna KLIA akan lebih menghargai kecekapan lapangan terbang itu apabila laluan ke lapangan terbang itu dari "City Terminal" yang mengambil masa 30 minit menggunakan LRT dari stesen Kuala Lumpur Sentral siap kelak.

Di City Terminal, barangan para penumpang akan diperiksa "Check ini" dan penumpang boleh datang ke lapangan terang secara berasingan dan ini dapat menjimatkan kos perjalanan dan masa untuk datang ke KLIA, katanya.

-- BERNAMA

MNY RI